

**RAB  
DUA**

## BAB 2

### PENGERTIAN *MAKKĪ DAN MADANI*

#### 2.1 Pengenalan

<sup>23</sup> *Ulūm al-Qur'an*<sup>23</sup> merupakan salah satu cabang ilmu yang ada hubung kait dengan al-Qur'an. Bagi merealisasikan pengajian ilmu ini, tumpuan yang khusus dan perbahasan yang mendalam amat diperlukan. Ini bagi memastikan setiap ilmu-ilmu<sup>24</sup> yang terkandung dalamnya, dikaji dan dihalusi dengan sebaik-baiknya. Salah satu aspek yang berkaitan dengan ilmu ini dan menjadi fokus penulis ialah kajian terhadap ilmu *Makkī* dan *Madani*.

Ilmu *Makkī* dan *Madani* merupakan salah satu daripada ilmu yang sangat penting untuk dikaji dan diteliti segala riwayat dan nas mengenainya kerana ia merangkumi perbincangan keseluruhan ayat dan surah di dalam al-Qur'an. Ini jauh perbezaannya dengan ilmu *ashbāb al-nuzūl* yang hanya melibatkan aspek-aspek

<sup>23</sup> *Ulūm al-Qur'an* ialah semua ilmu yang digunakan untuk memahami al-Qur'an. Ia termasuk ilmu-ilmu tafsir, *qiraāt*, *rasm* *Uthmāni*, *fjaz al-Qur'an*, *nāsikh* dan *mansūkh*, *gharīb al-Qur'an*, *fīrāb al-Qur'an*, *ulūm al-dīn*, bahasa Arab dan sebagainya. Sila lihat Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 23.

<sup>24</sup> Ilmu-ilmu tersebut merangkumi cara penurunan, pengumpulan, penyusunan, pembukuan, *ashbāb al-nuzūl*, *nāsikh* dan *mansūkh*, ayat-ayat *muḥkamāt* dan *mutasyābihāt* serta *Makkī* dan *Madani*.

tertentu, bermula dari peristiwa penurunan ayat dan tidak membicarakan secara terperinci terhadap ayat-ayat lain yang tidak mempunyai sebab penurunan.<sup>25</sup>

Oleh itu, didapati sejak al-Qur'an diturunkan hingga ke hari ini, ramai para pengkaji Islam mahupun Barat<sup>26</sup> menghabiskan sebahagian besar hidup mereka untuk mengkaji tentang ilmu *Makkī* dan *Madanī*. Meskipun ilmu tersebut, telah digali dengan segala kemampuan oleh para ilmuan, namun khazanah ilmu ini tetap memerlukan penerokaan baru oleh para sarjana Islam kini agar segala penemuan baru dapat dihasilkan serta menjawab segala keraguan yang ditimbulkan oleh orientalis.<sup>27</sup>

Justeru itu, dalam bab kedua sebagai permulaan kajian, penulis akan membincangkan tentang *Makkī* dan *Madanī*. Ia meliputi perbincangan mengenai pengertian *Makkī* dan *Madanī*, perbezaan pendapat di kalangan para ulama

<sup>25</sup> Ṣubḥī al-Ṣāliḥ (2000), *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'an*, c. 24. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyin, h. 167.

<sup>26</sup> Pada pertengahan kurun ke 19, telah lahir di Eropah pelbagai usaha untuk mentertibkan segala surah al-Qur'an dan kajian terhadap peringkat-peringkat turun wahyu dari segi sejarah. Antaranya ialah usaha yang dilakukan oleh William Muir. Beliau membahagikan peringkat penurunan al-Qur'an kepada enam bahagian. Lima bahagian di Mekah dan satu bahagian di Madinah. Kajian beliau kebanyakannya berdasarkan kepada sejarah hidup Rasulullah SAW dan mengambil pelbagai riwayat-riwayat yang lemah dan ini menyebabkan banyak pendapat beliau ditolak. Sila lihat, Ṣubḥī al-Ṣāliḥ (2000), *ibid.*, h. 176.

<sup>27</sup> Orientalis berasal dari perkataan orient yang bererti timur dan orientalis pula merujuk kepada orang-orang Barat yang mengkaji ilmu-ilmu ketimuran seperti bahasa, sastera, tamadun dan agama. Tetapi bagi dunia Islam apabila disebut orientalis atau orientalisme, ia merujuk orang Barat yang mengkaji tentang tamadun dan selok belok Islam termasuk al-Qur'an, al-Hadith, sejarah dan lain-lain. Sila lihat, Edward W.Said (1979), *Orientalisme*. New York: Vintoge Books, h. 1.

mengenai al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* seterusnya diikuti kaedah mengenali al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* serta ciri-ciri khususnya. Selain itu, kepentingan *Makkī* dan *Madanī* turut dijelaskan. Walaupun kajian ini dibataskan kepada *Makkī* sahaja, namun penulis merasakan perlu dibincangkan juga tentang *Madanī* untuk memudahkan penulis membuat perbezaan antara kedua-duanya.

## 2.2 Pengertian *Makkī* dan *Madanī*

Dari segi bahasa *Makkī* ialah perkataan yang dinisbahkan kepada Mekah.<sup>28</sup> Manakala dari sudut istilah terdapat pelbagai pengertian yang diberikan oleh para ulama Islam.<sup>29</sup> Antara definisi yang diberikan oleh mereka ialah:

- i. *Makkī* adalah al-Qur'an yang diturunkan sebelum hijrah Nabi SAW ke Madinah.<sup>30</sup>
- ii. *Makkī* ialah al-Qur'an yang diturunkan di Mekah.<sup>31</sup>

<sup>28</sup> Syihab al-Dīn Abū Ḥabd Allah (t.t.), *Muṣjam al-Buldān*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 85.

<sup>29</sup> Muhammad Ḥabd Allah al-Madīnī al-Badrī (1984), *al-Qur'an al-Karīm Tārīkhuh wa `Ulūmuhi*. T.P.: Dār al-Qalam, h. 105.

<sup>30</sup> Ḥabd Allah Shahātah (t.t.), *Ulūm al-Qur'an wa al-Tafsīr*. T.P.: Dār al-Itiṣām, h. 63.

<sup>31</sup> Al-Badrī (1984), *op.cit.*, h. 105.

iii. *Makkī* merupakan al-Qur'an yang ditujukan kepada penduduk Mekah.<sup>32</sup>

Manakala *Madanī* dari sudut bahasa ialah yang dinisbahkan kepada Madinah.<sup>33</sup> Dari sudut istilah pula ialah:

i. *Madanī* ialah al-Qur'an yang diturunkan selepas hijrah Nabi SAW ke Madinah.<sup>34</sup>

ii. *Madanī* adalah al-Qur'an yang diturunkan di Madinah.<sup>35</sup>

iii. *Madanī* merupakan al-Qur'an yang ditujukan kepada penduduk Madinah.<sup>36</sup>

---

<sup>32</sup> Muḥammad Aḥmad Ma'bād (1996), *Nafakhāt min ḥUllān al-Qur'an*. T.P.: Dār al-Salām, h. 33.

<sup>33</sup> ḤAbd al-Fatāḥ Abū Sinnah (1995), *ḤUllām al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Syuruq, h. 28.

<sup>34</sup> ḤAbd Allah Shāhātah (t.t.), *op.cit.*, h. 63.

<sup>35</sup> Al-Badrī (1984), *op.cit.*, h. 105.

<sup>36</sup> Muḥammad Ṣubayḥ (t.t.), *Baḥth Jadid ḥan al-Qur'an al-Karīm*. T.P.: Dār al-Thaqāfah al-Āmmah, h. 101.

## **2.3 Perbezaan Pendapat Mengenai al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī***

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama Islam mengenai al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*. Namun begitu, perselisihan mengenai al-Qur'an *Makkī* lebih ketara kerana kebanyakan peristiwa yang berlaku di Mekah tidak begitu jelas sebagaimana penurunan ayat-ayat dan surah-surah di Madinah.<sup>37</sup>

Ini dapat dilihat kepada pengertian *Makkī* dan *Madanī* dari sudut istilah sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Perbezaan pendapat tersebut disebabkan masing-masing melihat dari aspek penurunan yang berbeza iaitu aspek masa, tempat dan sasaran ayat.

Walaupun terdapat banyak pendapat yang diberikan tentang al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*, namun tidak kesemua pendapat tersebut bertepatan dengan al-Qur'an diturunkan. Kesemua perbezaan pendapat tersebut adalah seperti berikut:

---

<sup>37</sup> Muhammad Ḥasan (1983), *al-Manār fī Ḫilāqat al-Qur'an*. T.P.: Maṭba'ah al-Syarq wa Maktabatuhā, h. 78.

### **2.3.1 Pendapat yang melihat dari aspek Masa**

Berasaskan kepada pendapat ini maka:

*Makkī* ialah al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah SWT sebelum hijrah Nabi SAW ke Madinah. Manakala *Madanī* pula ialah al-Qur'an yang diturunkan selepas hijrah Nabi SAW ke Madinah.<sup>38</sup>

#### **Ulasan:**

Pendapat di atas adalah pendapat yang diberikan oleh ulama yang melihat dari aspek masa sesuatu ayat al-Qur'an diturunkan. Kunci utama dalam pendapat ini ialah masa sesuatu ayat itu diturunkan sama ada sebelum hijrah atau selepas hijrah Nabi SAW ke Madinah. Ini bermakna sekiranya ia diturunkan sebelum hijrah Nabi SAW ke Madinah dinamakan al-Qur'an *Makkī* dan sekiranya ia diturunkan selepas hijrah Nabi SAW ke Madinah dinamakan al-Qur'an *Madanī*. Pendapat ini adalah yang paling tepat dan masyhur di kalangan para ulama Islam.<sup>39</sup>

---

<sup>38</sup> Badr al-Dīn Muḥammad ibn Ḥabīb Allāh al-Zarkashī (2001), *op.cit.*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 239. Lihat juga Ḥabīb al-Rahmān ibn Abū Bakr al-Suyūṭī (1997), *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'an*, j. 1. Beirut: al-Maktabah al-Īṣīriyyah, h. 23 dan al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 193.

<sup>39</sup> Al-Zarkashī (2001), *op.cit.*, j. 1, h. 239. Lihat juga al-Suyūṭī (1997), *op.cit.*, j. 1, h. 23.

Ini kerana, pendapat yang diberikan lengkap dan merangkumi setiap ayat al-Qur'an sama ada ianya diturunkan di Mekah, Madinah, pada tahun pembukaan Kota Mekah, pada tahun Haji Perpisahan dan dalam mana-mana pengembaraan baginda SAW ke Madinah atau sebelum sampai ke Madinah.<sup>40</sup>

Oleh itu, para ulama yang berpegang dengan pendapat ini, menyatakan bahawa surah al-Nisā' adalah *Madani*, meskipun di dalamnya terdapat satu ayat yang diturunkan di Kota Mekah, ketika baginda SAW berada di sisi Ka'abah pada tahun pembukaan Kota Mekah.<sup>41</sup> Sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ نَعِمًا يَعْظِمُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا (٥٨)  
Surah al-Nisā' (4): 58.

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat"

<sup>40</sup> Hasan al-Sayyid al-Sayyid Ḥasyūr (1996), *al-Bayān fī Ḫulūm al-Qur'ān*. Azhar: Dār al-Ṭibā'ah al-Muhammadiyyah, h. 207.

<sup>41</sup> Al-Suyūṭī (2000), *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*, c. 3. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 87-88.

Begitu juga dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Mā' idah:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ إِلَسْلَامَ

دِينًا (٣)

Surah al-Mā' idah (5): 3.

Maksudnya:

“... Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu ... ”

Berdasarkan ayat di atas, jika dilihat dari sudut tempat turun ayat ini dikategorikan sebagai ayat *Makkī*. Walau bagaimanapun, para ulama bersepakat mengatakan ia adalah ayat *Madanī* kerana diturunkan pada hari Jumaat selepas waktu Asar di padang Arafah ketika Nabi SAW mengerjakan Haji Perpisahan.<sup>42</sup>

Dengan kata lain, ia berlaku selepas peristiwa hijrah Nabi SAW ke Madinah.

### 2.3.2 Pendapat yang melihat dari aspek Tempat

Terdapat tiga pengertian yang telah diberikan oleh para ulama tentang al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* dari aspek tempat penurunan.

<sup>42</sup> Abū al-Ḥasan Ḥasan bin Ḥuḍayr bin Ḥasan al-Baṣrī (2000), *Asbāb al-Nuzūl*, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 98-99.

- i. *Makkī* ialah al-Qur'an yang diturunkan di Mekah sekalipun selepas hijrah Nabi SAW. Manakala *Madanī* pula ialah al-Qur'an yang diturunkan di Madinah.<sup>43</sup>
- ii. *Makkī* ialah al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah SAW sepanjang tempoh baginda SAW berada di Mekah. Manakala *Madanī* pula ialah al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah SAW sepanjang tempoh baginda SAW berada di Madinah.<sup>44</sup>
- iii. *Makkī* ini dibahagikan kepada dua bahagian. *Makkī* pertama ialah al-Qur'an yang diturunkan di Mekah sebelum hijrah baginda SAW. *Makkī* kedua ialah al-Qur'an yang diturunkan di Mekah selepas tahun pembukaan Kota Mekah. Manakala *Madanī* pula ialah al-Qur'an yang diturunkan di Madinah.<sup>45</sup>

#### **Ulasan:**

Pengertian pertama, kedua dan ketiga di atas melihat dari sudut tempat sesuatu ayat al-Qur'an diturunkan. Batas perbezaan antara *Makkī* dan *Madanī* pada pengertian

<sup>43</sup> Hasan Ayyūb (2002), *al-Hadīth fi 'Ulūm al-Qur'an wa al-Hadīth*. Kaherah: Dār al-Salām, h. 2.

<sup>44</sup> Ahmad Ḥasan al-Bāqūrī (t.t.), *Ma'a al-Qur'an*. T.T.P.: Maktabah al-Adab wa Maṭba'atuhā bi al-Jamāhir, h. 67.

<sup>45</sup> Zulkifli Yusoff (1995), "Makkī dan Madanī Serta Beberapa Diskusi Tentangnya", *Jurnal Uṣuluddin*. Bil.2, Mei 1995, h. 70.

tersebut ialah tempat penurunannya meskipun ia diturunkan sebelum atau selepas hijrah Nabi SAW atau selepas pembukaan kota Mekah.<sup>46</sup> Berdasarkan kepada ketiga-tiga pengertian tersebut dapat disimpulkan bahawa kesemua surah dan ayat yang diturunkan di Mekah dikenali sebagai al Qur'an *Makkī*. Manakala kesemua surah dan ayat yang diturunkan di Madinah dinamakan al-Qur'an *Madanī*.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga pengertian yang diberikan ini kurang tepat kerana ianya tidak merangkumi keseluruhan ayat dan surah al-Qur'an yang diturunkan, bahkan terdapat ayat-ayat al-Qur'an dan surah-surahnya bukan sahaja diturunkan di Mekah dan di Madinah, tetapi ada yang diturunkan di luar kota Mekah seperti di Mina, Arafah dan Hudaibiyyah. Manakala terdapat juga ayat yang diturunkan di luar kota Madinah seperti di Badar dan Uhud. Malah terdapat ayat-ayat yang diturunkan di Mekah, tetapi dikategorikan sebagai ayat-ayat *Madanī* dan begitu pula sebaliknya.<sup>47</sup>

Antara contoh-contoh yang menunjukkan ayat yang diturunkan di luar kota Mekah dan Madinah ialah firman Allah SWT:

<sup>46</sup> Mannā' al-Qattān (1995), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'an*, c. 27. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 62.

<sup>47</sup> Al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 193.

إِنَّ الَّذِي فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لَرَادُكَ إِلَى مَعَادٍ قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ مَنْ جَاءَ  
بِالْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٌ (٨٥)  
Surah al-Qaṣāṣ (28): 85.

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) al-Qur'an (wahai Muhammad) sudah tentu akan menyampaikan engkau lagi kepada apa yang engkau ingini dan cintai. Katakanlah (kepada kaum yang menentangmu): "Tuhanmu amat mengetahui akan sesiapa yang membawa hidayah petunjuk dan sesiapa pula yang berada dalam kesesatan yang nyata".

Menurut al-Suyūṭī, ayat ini diturunkan ketika Nabi SAW berada di Juhfah<sup>48</sup> dan ketika itu baginda SAW sangat rindu untuk kembali semula ke kota Mekah.<sup>49</sup> Firman Allah SWT dalam surah al-Zukhruf :

وَاسْأَلْ مَنْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رُسُلِنَا أَجْعَلْنَا مِنْ دُونِ الرَّحْمَنِ آتِهِ  
يُعَذَّبُونَ (٤٥)  
Surah al-Zukhruf (43): 45.

<sup>48</sup> Juhfah ialah nama sebuah tempat antara jalan Madinah-Mekah. Untuk ke sini ia memakan masa tiga atau empat hari perjalanan dari Mekah. Lihat, Muhammad Husain Haekal (1981), *Sejarah Hidup Nabi Muhammad*. Dewan Bahasa dan Pustaka (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 302.

<sup>49</sup> Al-Suyūṭī (2000), *op.cit.*, h. 223.

Maksudnya:

*"Dan bertanyalah kepada umat mana-mana Rasul yang Kami telah utuskan sebelumnya; pernahkah Kami memberi hukum menetapkan sebarang Tuhan untuk disembah, selain dari Allah SWT Yang Maha Pemurah"*

Ayat di atas diturunkan kepada Nabi SAW di malam Israk ketika baginda SAW berada di Baitul Maqdis.<sup>50</sup>

Firman Allah SWT:

وَأَئْتُهُمَا مَا كُنْجَعْنَاهُ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُؤْتَى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ (٢٨١)

Surah al-Baqarah (2): 281.

Maksudnya:

*"Dan peliharalah diri kamu dari huru-hara hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah SWT. Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun"*

Ayat ini telah diturunkan di Mina pada musim Haji Perpisahan. Jika dilihat kepada definisi yang diberikan, ayat ini akan disebut sebagai ayat *Makkī* kerana

<sup>50</sup> Al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 193.

Mina itu terletak di kawasan Mekah. Tetapi realitinya ia dikategorikan sebagai ayat *Madani*.<sup>51</sup>

### 2.3.3 Pendapat yang melihat dari aspek Sasaran Ayat

Berdasarkan kepada pendapat ini maka:

*Makkī* ialah al-Qur'an yang disasarkan kepada penduduk Mekah. Manakala *Madani* pula ialah al-Qur'an yang disasarkan kepada penduduk Madinah.<sup>52</sup>

#### Ulasan:

Berasaskan kepada pendapat di atas, ianya tertumpu kepada sasaran ayat sama ada disasarkan kepada penduduk Mekah atau Madinah. Jika disasarkan kepada penduduk Mekah, maka ia dikategorikan al-Qur'an *Makkī* dan sekiranya disasarkan kepada penduduk Madinah, ia dikategorikan al-Qur'an *Madani*.<sup>53</sup>

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa pengertian yang semata-mata mengambil kira tempat dan sasaran ayat adalah kurang tepat kerana tidak mencakupi

<sup>51</sup> Zulkifli Yusoff (1995), *op.cit.*, h. 74.

<sup>52</sup> Nür al-Dīn Ḥatr (1996), *Ulūm al-Qur'an al-Karīm*, c. 6. Damsyik: Maṭba'ah al-Sibl, h. 56. Lihat juga al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 193.

<sup>53</sup> Al-Qaṭṭān (1995), *op.cit.*, h. 62.

setiap ayat dan surah diturunkan. Bahkan penurunan ayat-ayat al-Qur'an ini berlaku di pelbagai tempat seperti Hudaibiyah, Badar, Uhud, Tabuk dan sebagainya.<sup>54</sup> Oleh itu, penulis amat bersetuju dengan pendapat yang diberikan oleh jumhur ulama yang mengatakan bahawa *Makkī* ialah al-Qur'an yang diturunkan sebelum hijrah Nabi SAW ke Madinah, manakala *Madanī* pula ialah al-Qur'an yang diturunkan selepas hijrah Nabi SAW ke Madinah. Pendapat ini telah digunakan dalam meletakkan pengertian *Makkī* dan *Madanī* secara tepat.

#### 2.4 Kaedah Mengenali al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*

Dalam menentukan sesuatu ayat atau surah itu sama ada *Makkī* atau *Madanī*, pada asasnya ia tidak dapat diketahui melainkan melalui riwayat yang disampaikan oleh para sahabat Nabi SAW dan para tabiin yang mendengar dan mendapat maklumat daripada para sahabat. Pengetahuan yang mereka perolehi bolehlah dikatakan melalui daya usaha mereka sendiri.

Ini kerana menurut al-Zarqānī tidak terdapat sebarang nas pun yang datang dari baginda SAW yang menyuruh mereka berbuat demikian. Malah, Nabi SAW sendiri pun tidak menerangkan kepada mereka yang manakah al-Qur'an *Makkī* dan

<sup>54</sup> Muhammad Sayyid Tantawī (1998), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Syurūq, h. 2.

manakah al-Qur'an *Madani*.<sup>55</sup> Lagipun, masyarakat Islam pada ketika itu tidak memerlukannya kerana mereka sendiri menyaksikan proses penurunan wahyu dan mengetahui masa, tempat serta sebab-sebab penurunannya.<sup>56</sup>

Hal ini ditegaskan oleh al-Qādī Abū Bakr dalam kitabnya *al-Intiqār* yang mengatakan bahawa baginda SAW tidak diperintahkan supaya berbuat demikian dan Allah SWT tidak mewajibkan perkara itu diketahui oleh setiap umat Islam.<sup>57</sup> Ini diakui sendiri oleh <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas'ud (m.32)<sup>58</sup> di dalam satu *athar* yang diceritakan oleh Imam al-Bukhārī katanya:

وَاللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ، مَا نُزِّلَتْ سُورَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ إِلَّا وَأَنَا أَعْلَمُ  
أَيْنَ نُزِّلَتْ؟ وَلَا نُزِّلَتْ آيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ إِلَّا وَأَنَا أَعْلَمُ فِيمَ نُزِّلَتْ؟ وَلَوْ  
أَعْلَمُ أَنْ أَحَدًا أَعْلَمُ مِنِّي بِكِتَابِ اللَّهِ تَبَلَّغُهُ الْإِبْلُ لَرَكِبَتْ إِلَيْهِ

<sup>55</sup> Al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 196.

<sup>56</sup> Al-Sayyid <sup>c</sup>Āsyūr (1996), *op.cit.*, h. 214.

<sup>57</sup> Al-Šāliḥ (2000), *op.cit.*, h. 178.

<sup>58</sup> <sup>c</sup>Abd Allah bin Mas'ud bin Ghafil al-Ḥudhaifī atau Ibn Mas'ud merupakan di antara enam orang sahabat Rasulullah SAW yang memeluk Islam di peringkat pertama. Kunyah beliau ialah Abū <sup>c</sup>Abd al-Rahmān. Beliau telah berpindah ke Habsyah sebanyak dua kali dan menyertai semua peperangan yang disertai oleh Rasulullah SAW. Dalam peperangan Badar beliau telah membunuh Abū Jahal dan Rasulullah SAW menyaksikannya sebagai ahli syurga. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: "Hendaklah kamu mengambil (mempelajari) al-Qur'an daripada empat orang iaitu <sup>c</sup>Abd Allah (<sup>c</sup>Abd Allah bin Mas'ud), Sālim, hamba kepada Abi Hudhaifah, Mu'ādh bin Jabal dan Ubaiy bin Ka'ab." Beliau banyak meriwayatkan hadis sehingga mencapai angka sebanyak 848 hadis. Ketika di Madinah, beliau jatuh sakit dan meninggal dunia pada tahun 32H. Jenazah beliau dikebumikan di Bāqi<sup>c</sup>. Antara orang yang menyembahyangkan jenazahnya ialah <sup>c</sup>Uthmān bin <sup>c</sup>Affān. Sila lihat, Šubhi al-Šāliḥ (1993), *Ilmu Hadith Satu Pengenalan dan Kajian*, Ariffin Omar *et al.* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 370-371.

Maksudnya:

*"Demi Allah SWT tiada Tuhan selain-Nya, tidak diturunkan suatu surah dari kitab Allah SWT melainkan aku tahu di mana ia diturunkan dan kepada siapakah ia diturunkan. Demi sesungguhnya kalaukah aku tahu ada orang lain yang lebih tahu dariku tentang kitab Allah SWT dan perjalanan kepadanya boleh sampai dengan menggunakan unta nescaya aku akan mendatanginya".<sup>59</sup>*

*Athar* ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang nuzul al-Qur'an tidak banyak diketahui kecuali daripada para sahabat Nabi SAW. Bukan itu sahaja, bahkan Sayyidina Ali r.a juga telah menegaskan demikian sepetimana yang dilakukan oleh Ibn Mas'ūd.<sup>60</sup> Ini menunjukkan pengetahuan mereka yang begini luas tentang tempat dan masa wahyu diturunkan melambangkan minat mereka yang tinggi terhadap al-Qur'an.<sup>61</sup>

Justeru itu, untuk mengenali al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* terdapat dua kaedah yang telah digariskan oleh para ulama Islam. Menurut al-Jā'barī, kedua-dua kaedah ini dinamakan sebagai *al-Samā'i* dan *al-Qiyāsī*.<sup>62</sup> *Al-Samā'i* bermaksud berita penurunan sesuatu ayat atau surah datangnya daripada Rasulullah SAW atau para sahabat yang mengambil berat mengenai penurunan itu. Manakala *al-Qiyāsī*

<sup>59</sup> Ahmad ibn Ḥāfiẓ ibn Muḥammad, Ibn Ḥajar (t.t.), *Fath al-Bārī Syarḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, j. 9. T.T.P.: Dār al-Fikr, h. 47. Lihat juga, Al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 196.

<sup>60</sup> Al-Šāliḥ (2000), *op.cit.*, h. 178.

<sup>61</sup> Abū Iṣhāq al-Syātībī (t.t.), *al-Muwāfaqat fī Uṣūl al-Āḥkām*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 204.

<sup>62</sup> Al-Zarkasyī (2001), j. 1, *op.cit.*, h. 242.

pula bermaksud ketepatan sesuatu ayat atau surah itu dapat diketahui melalui penyelidikan.<sup>63</sup> Kaedah ini juga dinamakan sebagai *Tarīq al-Qiyās*.

*Tarīq al-Qiyās* adalah salah satu kaedah alternatif yang dilakukan oleh para ulama Islam untuk membantu umat Islam mengenali al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*. Ini memandangkan generasi selepas sahabat dan tabiin tidak memiliki pengetahuan yang mendalam tentang ilmu *Makkī* dan *Madanī* sebagaimana para sahabat yang menyaksikan sendiri penurunan wahyu, tempat, masa dan sebab al-Qur'an diturunkan.<sup>64</sup>

Rentetan itu, melalui *Tarīq al-Qiyās* para ulama Islam telah merumuskan beberapa aspek berdasarkan fakta-fakta yang tepat tentang al-Qur'an untuk mengenalpasti al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*.<sup>65</sup>

<sup>63</sup> Nūr al-Dīn Ḥatr (1996), *op.cit.*, h. 58.

<sup>64</sup> Khālid Ibrāhīm al-Fityānī (1996), *Muḥādkarāt fī Ḫallūm al-Qur'an*, c. 2. T.T.P: Dār Ḩammār, h. 116.

<sup>65</sup> Sebelum merumuskan beberapa perkara atau aspek para ulama terlebih dahulu mengemukakan contoh-contoh dan bukti yang boleh menentukan *Makkī* dan *Madanī*. Kemudian mereka membandingkannya antara satu sama lain sebelum membuat rumusan.

## 2.5 Ciri-ciri Khusus al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, kaedah *qiyāsī* merupakan kaedah terbaik yang digunakan oleh para ulama Islam bagi membantu umat Islam mengenalpasti al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* dengan tepat berdasarkan rumusan mereka terhadap fakta-fakta yang berkaitan dengan *Makkī* dan *Madanī*. Menurut Ṣubḥī al-Ṣāliḥ, rumusan yang didapati dengan menggunakan kaedah ini jarang sekali tidak tepat.<sup>66</sup>

Muhammad Ḥabd al-Mājid Ghazlān di dalam kitabnya *al-Bayān fī Mabāḥith min ḫUlūm al-Qur'an*, mengatakan bahawa terdapat dua perkara yang perlu dilihat kepada ciri-ciri al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*.

Pertama, pengetahuan mengenai ciri-ciri al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*, pada peringkat awal tidak wujud, kerana pada ketika itu tiada cara untuk mengetahuinya melainkan melalui riwayat-riwayat yang diambil daripada para sahabat dan tabiin.

Kedua, ciri-ciri al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*, tidaklah didapati dalam satu-satu surah secara keseluruhan, bahkan ada kalanya di dalam satu surah tertentu, terdapat ciri-ciri *Makkī* dan *Madanī*.<sup>67</sup>

<sup>66</sup> Al-Ṣāliḥ (2000), *op.cit.*, h. 181.

<sup>67</sup> Al-Sayyid Ḥasyūr (1996), *op.cit.*, h. 215.

Oleh sebab itu, di dalam menentukan ciri-ciri al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*, para ulama tidak terlepas dari menggunakan kaedah *qiyāsī* bagi memperolehi fakta yang tepat mengenainya.<sup>68</sup> Secara umumnya ia merangkumi ciri-ciri khusus *Makkī* dan *Madanī* dari tiga aspek iaitu lafaz, topik dan gaya bahasa.

### 2.5.1- Ciri-ciri Khusus al-Qur'an *Makkī*

#### 2.5.1(a)] Aspek lafaz

Antara ciri-ciri khusus al-Qur'an *Makkī* dari aspek lafaz ialah seperti berikut:

- i. Setiap surah yang mengandungi lafaz *kallā* ialah surah *Makkī*.<sup>69</sup> Lafaz ini disebut dalam al-Qur'an sebanyak 33 kali pada 15 surah<sup>70</sup> yang terakhir.<sup>71</sup> Surah-surah tersebut ialah Maryam (19): 79,82, al-Mu'minūn (23): 100, al-Syū'arā' (26): 15,62, Sabā' (34): 27, al-Mā'ārij (70): 15, 39, al-Muddaththir (74): 16, 32, 53, 54, al-Qiyāmah (75): 11, 20, 26, al-Nabā' (78): 4, 5, 'Abasa (80): 11,23, al-Infiṭār (82): 9, al-Muṭaffifīn (83): 7, 14, 15, 18, al-Fajr (89): 17, 21, al-'Alaq (96): 6, 15, 19, al-Takāthur (102): 3, 4, 5 dan al-Humazah (104): 4.<sup>72</sup>

<sup>68</sup> Al-Fityānī (1996), *op.cit.*, h. 119.

<sup>69</sup> Nūr al-Dīn 'Atr (1996), *op.cit.*, h. 59.

<sup>70</sup> Al-Hasan (1983), *op.cit.*, h. 81.

<sup>71</sup> Ma'bād (1996), *op.cit.*, h. 34.

<sup>72</sup> Muhammad 'Adnān Sālim (1997), *Mu'jam Kalimāt al-Qur'an al-'Azīm*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'sīr, h. 866-867.

- ii. Setiap surah yang mengandungi perintah sujud *sajdah* adalah *Makkī*<sup>73</sup> kecuali surah al-Hajj (22): 18, 77, dan al-Rā‘d (13): 15. Selain dari dua surah di atas adalah *Makkī*. Surah-surah tersebut ialah: Al-Isrā’ (17): 109, Maryam (19): 58, al-Furqān: 60, Ṣād (38): 24, al-Insyiqāq (84): 21, al-Aṣrāf (7): 206, al-Nahl (16): 50, al-Naml (27): 26, Fuṣṣilat (41): 38, al-‘Alaq: 19, al-Rā‘d (13): 15, al-Hajj (22): 18, 77, al-Sajdah (32): 15 dan al-Najm (53): 62.<sup>74</sup>
- iii. Mana-mana surah yang mengandungi kisah Nabi Adam dengan Iblis adalah *Makkī*<sup>75</sup> kecuali surah al-Baqarah: 34.<sup>76</sup> Surah-surah tersebut adalah al-Aṣrāf (7): 11, al-Ḥijr (15): 31, 32, al-Isrā’ (17): 61, al-Kahf (18): 50 dan Ṭāhā (20): 74, 75.<sup>77</sup>
- iv. Mana-mana surah yang dimulakan dengan huruf *al-Tahajji* seperti (الْتَّهَجِي) adalah surah *Makkī* kecuali surah al-Baqarah dan Āli-‘Imrān.<sup>78</sup> Namun begitu, terdapat perselisihan pendapat pada surah al-Rā‘d sama ada ianya

<sup>73</sup> Al-Qattān (1995), *op.cit.*, h. 63.

<sup>74</sup> Zulkifli Yusoff (1995), *op.cit.*, h. 83.

<sup>75</sup> Ahmad Muhammad ‘Alī Dāwud (1984), “*Ulūm al-Qur'an wa al-Ḥadīth*. ‘Ammān: Dār al-Basyīr, h. 31.

<sup>76</sup> Ayyūb (2002), *op.cit.*, h. 26.

<sup>77</sup> Zulkifli Yusoff (1995), *op.cit.*, h. 83.

<sup>78</sup> Ayyūb (2002), *op.cit.*, h. 26.

*Makkī* atau *Madani*.<sup>79</sup> Surah-surah tersebut ialah al-<sup>c</sup>Ankabūt, al-Rūm, Luqmān, al-Sajdah, al-Rā<sup>c</sup>d, Yūnus, Hūd, Yūsuf, Ibrāhīm dan al-Hijr.<sup>80</sup>

- v. Setiap surah yang mengandungi lafaz يَا أَيُّهَا النَّاسُ adalah surah *Makkī*.<sup>81</sup>

Dalam konteks ini, Ibn Mas<sup>c</sup>ūd (m.32H) pernah meriwayatkan dengan katanya:

لَأَنَّ الْفَالِبَ عَلَى أَهْلِ مَكَّةَ الْكُفُرِ فَخُوْطِبُوا بِـ "يَا أَيُّهَا النَّاسُ" وَإِنْ كَانَ عِبَرُهُمْ دَاخِلًا فِيهِمْ

Maksudnya:

"Oleh kerana majoriti penduduk Mekah terdiri daripada orang yang tidak beriman, maka ayat-ayat yang ditujukan kepada mereka dimulai dengan "يَا أَيُّهَا النَّاسُ" (wahai

<sup>79</sup> Al-Salih (2000), *op.cit*, h. 182.

<sup>80</sup> Sālim (1997), *op.cit.*, h. 176, 244.

<sup>81</sup> Shahātah (t.t.), *op.cit.*, h. 70.

*manusia), walaupun terdapat di kalangan mereka yang beriman*<sup>82</sup>

Kenyataan ini ditegaskan lagi oleh Abū Ḩamrū bin Sa'īd al-Dārimī<sup>83</sup> daripada

Yahyā bin Sallām<sup>84</sup> meriwayatkan:

وَمَا كَانَ مِنَ الْقُرْآنِ يَأْتِيهَا النَّاسُ فَهُوَ مَكْيَّ

Maksudnya:

“... (surah atau ayat) al-Qur'an yang mempunyai frasa ﴿يَأْتِيهَا النَّاسُ﴾ adalah Makkīyyah.”<sup>85</sup>

<sup>82</sup> Al-Zarkasyī (2001), *op.cit.*, j. 1, h. 239.

<sup>83</sup> Nama penuh beliau ialah ḨUthmān bin Sa'īd bin Khāliq al-Dārimī al-Sijistānī. Beliau merupakan seorang *muḥaddith* di kota Hirah yang juga dikenali sebagai Abū Sa'īd. Menurut Abū al-Faḍl al-Jārūdī, Abū Sa'īd merupakan seorang imam yang diikuti ajarannya baik di masa hayatnya atau selepas kematiannya. Sila lihat, ‘Abd al-Rahmān ibn Abū Bakr (1973), *Tabaqāt al-Ḥuffāz*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 274.

<sup>84</sup> Beliau ialah Yahyā bin Salām bin Abī Tha'labah al-Baṣrī. Seorang *mufassir* dan alim dalam bidang hadis dan bahasa Arab. Beliau dilahirkan pada tahun 124H dan kembali ke rahmatullah pada tahun 200H. Sila lihat, Syihāb al-Dīn Abī al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Hajar al-Asqalānī (1987), *Lisān al-Mizān*, j. 6. Beirut: Dār al-Fikr, h. 320.

<sup>85</sup> Al-Zarkasyī (2001), *op.cit.*, j. 1, h. 241.

Namun begitu, masih terdapat beberapa ayat yang bermula dengan **يَا أَيُّهَا النَّاسُ**<sup>86</sup> dikategorikan sebagai ayat *Madani*<sup>87</sup>. Contohnya firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ<sup>٢١</sup>

Surah al-Baqarah (2): 21.

Maksudnya:

*"Wahai sekalian manusia! Beribadahlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa"*

#### 2.5.1 (b)] Aspek topik

Antara ciri-ciri khusus al-Qur'an *Makkī* dari aspek topik ialah:

- i. Topik utama surah-surah *Makkī* ialah permasalahan akidah iaitu menyeru manusia mentauhidkan Allah SWT dan mengesakan-Nya dalam melakukan ibadah serta beriman dengan hari akhirat, hari pembalasan, syurga dan neraka.<sup>87</sup> Ia mencakupi kepercayaan terhadap perutusan Nabi SAW dan para

<sup>86</sup> Al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 194.

<sup>87</sup> c Ali Dāwud (t.t.), *op.cit.*, h. 32.

Rasul sebelumnya serta beriman dengan para malaikat a.s.<sup>88</sup> Contohnya sila lihat surah al-Qaṣāṣ (28): 69-73 dan surah Qāf (50): 6-11.

- ii. Kebanyakan surah-surah *Makkī* berbentuk ancaman terhadap penduduk Mekah yang keras kepala dan pendusta.<sup>89</sup> Contohnya sila lihat surah al-Isrā' (17): 90-93.
- iii. Surah-surah *Makkī* kebanyakannya mengandungi kisah-kisah para Nabi dan umat-umat terdahulu sebagai pengajaran kepada penduduk Mekah, dan sekaligus sebagai penghibur hati Nabi SAW dalam menghadapi tantangan kaum musyrikin Quraisy.<sup>90</sup> Contohnya sila lihat surah Hūd (11): 49.
- iv. Kandungan surah-surah *Makkī* secara keseluruhannya banyak menyentuh aspek syirik, penyembahan berhala dan kekeliruan yang ditimbulkan oleh penduduk Mekah terhadap kepercayaan yang mereka anuti.<sup>91</sup> Contohnya sila lihat surah al-Ḥajj (22): 73-75 dan surah al-‘Ankabūt (29): 41.

<sup>88</sup> Nūr al-Dīn ‘Aṭr (1996), *op.cit.*, h. 60.

<sup>89</sup> Al-Sayyid ‘Āsyūr (1996), *op.cit.*, h. 226.

<sup>90</sup> Ma‘bad (1996), *op.cit.*, h. 34.

<sup>91</sup> Syahātah (t.t.), *op.cit.*, h. 72.

- v. Surah-surah *Makkī* juga berbentuk seruan kepada penduduk Mekah supaya berpegang teguh kepada akhlak mulia, konsisten dalam melakukan kebaikan<sup>92</sup> dan turut mendedahkan keburukan mereka seperti pertumpahan darah, membunuh anak-anak perempuan, berzina, minum arak dan sebagainya.<sup>93</sup> Contohnya sila lihat surah al-*Isrā'* (17): 23-26.

#### 2.5.1 (c)] Aspek gaya bahasa

Antara ciri-ciri khusus al-Qur'an *Makkī* dari aspek gaya bahasa ialah:

- i. Kebanyakan al-Qur'an *Makkī* adalah berbentuk pendek dan ringkas. Nadanya pula sering membangkitkan perasaan takut dan gementar berhadapan dengan kehebatan kuasa Ilahi.<sup>94</sup> Selain itu, terdapat kekuatan pada bahasa yang digunakan dan rentak atau bunyi rima akhirnya sama.<sup>95</sup> Ini kerana, kaum Arab merupakan kaum yang fasih berbahasa Arab dan mereka sangat mengambil berat terhadap sasteranya. Maka sesualilah diturunkan ayat-ayat dan surah-surah al-Qur'an yang berbentuk pendek dan ringkas, tetapi mempunyai makna yang tersirat secara mendalam.<sup>96</sup>

<sup>92</sup> Al-Šāliḥ (2000), *op.cit.*, h. 183.

<sup>93</sup> Al-Fityānī (1996), *op.cit.*, h. 119.

<sup>94</sup> Ibrāhīm Zaid al-Kaylānī (1985), *Ullūm al-Qur'an Thaqāfah Takhasusiyah*. Oman: Wizārah al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim, h. 196-197.

<sup>95</sup> Al-Šāliḥ (2000), *op.cit.*, h. 183.

<sup>96</sup> Al-Sayyid Ḩāfiẓ (1996), *op.cit.*, h. 227.

- ii. Adakalanya al-Qur'an *Makkī* mengandungi sebutan sumpah pada awal surah. Terdapat 19 surah yang mengandungi sebutan sumpah di awalnya. Di antaranya ialah surah al-Şāffāt, al-Dhāriyāt, al-Ḍuhā, al-Ādiyāt, al-Āṣr dan sebagainya.<sup>97</sup>
- iii. Penggunaan gaya bahasa penegasan (*uslūb al-ta'kid*) banyak terdapat di dalam surah-surah *Makkī*. Ianya bertujuan meneguh dan menguatkan lagi kandungan ayat-ayat tersebut supaya maksudnya difahami dan diberi perhatian.<sup>98</sup>
- iv. Al-Qur'an *Makkī* membentuk gambaran zahir manusia sebagai simbolik atau contoh terhadap bayangan kehidupan di hari kiamat, keadaan neraka, syurga dan mereka yang menghuninya.<sup>99</sup>

<sup>97</sup> Ḥāfiẓ Abū Dāwud (t.t.), *op.cit.*, h. 31-32.

<sup>98</sup> Nūr al-Dīn Ḥāfiẓ (1996), *op.cit.*, h. 67.

<sup>99</sup> *Ibid.*

### 2.5.2. Ciri-ciri Khusus al-Qur'an *Madani*

Al-Qur'an *Madani* mempunyai ciri-ciri khusus yang tersendiri bagi membezakannya dengan al-Qur'an *Makkī*. Ciri-ciri khusus tersebut adalah yang telah ditetapkan oleh para ulama melalui kaedah *qiyāsī*.<sup>100</sup> Ciri-cirinya adalah seperti berikut:

#### 2.5.2 (a)] Aspek lafaz

Ciri-ciri al-Qur'an *Madani* dari aspek lafaz ialah:

- i. Surah-surah yang mengandungi ungkapan *يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا* adalah *Madani*<sup>101</sup>

Dalam konteks ini, Ibn Mas'ūd (m.32H) pernah meriwayatkan dengan katanya:

وَكَانَ الْقَالِبُ عَلَى أَهْلِ الْمَدِينَةِ الْإِيمَانِ فَخُرُطُوا بِـ "يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا" وَإِنْ كَانَ غَيْرُهُمْ دَاخِلًا فِيهِمْ

Maksudnya:

"... oleh kerana majoriti penduduk Madinah terdiri daripada orang yang beriman, maka ayat-ayat yang ditujukan kepada mereka dimulai dengan "يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا" (wahai orang yang

<sup>100</sup> Al-Fityānī (1996), *op.cit.*, h. 119.

<sup>101</sup> Nūr al-Dīn Ḥatr (1996), *op.cit.*, h. 59.

*beriman), walaupun terdapat di kalangan mereka yang tidak beriman.*”<sup>102</sup>

Selain daripada riwayat di atas, Abū Ḥamrū bin Sa‘īd al-Dārimī daripada Yaḥyā bin Sa‘īd meriwayatkan:

وَمَا كَانَ مِنَ الْقُرْآنِ يَأْتِيهَا الْذِينَ أَمْنَوْا فَهُوَ مَدِينٌ

Maksudnya:

“.... dan (surah atau ayat) al-Qur'an yang mempunyai frasa “يَا أَيُّهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا” adalah Madaniyyah.”<sup>103</sup>

Namun begitu, terdapat surah-surah *Madani* yang dimulai dengan ungkapan “يَا أَيُّهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا” tetapi dikategorikan sebagai surah *Makkī*. Surah-surah tersebut ialah surah al-Baqarah, al-‘Imrān, al-Nisā’, al-Mā’idah, al-Anfāl, al-Tawbah, al-Hajj, al-Nūr, al-Ahzāb, Muḥammad, al-Hujarāt, al-Ḥadīd, al-Mujādalah, al-Ḥasyr, al-Mumtahinah, al-Ṣaf, al-Jum‘ah, al-Munāfiqūn, al-Taghāibun, al-Taḥrīm.<sup>104</sup>

<sup>102</sup> Al-Zarkasyī (2001), *op.cit.*, j. 1, h. 239.

<sup>103</sup> *Ibid.*, h. 241.

<sup>104</sup> Sālim (1997), *op.cit.*, h. 306-310.

- ii. Setiap surah yang mengandungi dialog dengan ahli Kitab adalah *Madanī*.<sup>105</sup> Surah-surah tersebut ialah al-Baqarah (2): 109, ‘Āli ‘Imrān (3): 64, 65, 69, 70, 71, 98, 99, al-Nisā’ (4): 171, al-Mā’idah (5): 15, 19, 59, 68, 77.<sup>106</sup>
- iii. Setiap surah yang mengandungi keizinan berjihad, perintah dan penjelasan mengenai hukum-hakam peperangan adalah *Madanī*.<sup>107</sup> Contohnya, surah al-Anfāl, al-Baqarah, al-Tawbah dan al-Aḥzāb.<sup>108</sup>

#### 2.5.2 (b)] Aspek topik

Antara ciri-ciri khusus al-Qur'an *Madanī* dari aspek topik ialah:

- i. Topik utama al-Qur'an *Madanī* lebih menfokuskan persoalan tasyri' dan pembinaan organisasi. Ia menjelaskan segala hukum-hakam yang berkaitan dengan hudud, harta pusaka, pergaulan, hak-hak bermasyarakat dan hal-hal berkaitan dengan perundungan yang bersifat tempatan dan antarabangsa.<sup>109</sup>

---

<sup>105</sup> cAlī Dāwud (1984), *op. cit.*, h. 32.

<sup>106</sup> Zulkifli Yusoff (1995), *op.cit.*, h. 80.

<sup>107</sup> Al-Fityānī (1996), *op.cit.*, h. 119.

<sup>108</sup> Zulkifli Yusoff (1995), *op.cit.*, h. 80.

Nfir al-Dīn ‘Atr (1996), *op.cit.*, h. 66.

<sup>109</sup> cAlī Dāwud (t.t.), *op.cit.*, h. 32 dan al-Zarkasyī (2001), *op.cit.*, h. 241.

Sebagai contoh sila lihat surah-surah seperti al-Mā'idah, al-Nisā', al-Tawbah dan Muḥammad.<sup>110</sup>

- ii. Dakwah ahli Kitab kepada Islam. Contohnya sila lihat surah al-Baqarah, Āli Imrān dan al-Mā'idah.<sup>111</sup>
- iii. Setiap surah yang menyebut golongan munafik adalah *Madani* kecuali surah al-<sup>c</sup>Ankabūt.<sup>112</sup> Ia mendedahkan sikap golongan munafik yang mempunyai niat jahat terhadap Islam dan kaum muslimin.<sup>113</sup> Contohnya sila lihat surah al-Nisā' (17): 72-73 dan 141.
- iv. Penjelasan hukum berkaitan dengan hubungan antara kaum dan bangsa sama ada semasa perang dan damai, serta berkenaan perjanjian-perjanjian, harta

<sup>110</sup> Zulkifli Yusoff (1995), *op.cit.*, h. 80.

<sup>111</sup> Nūr al-Dīn <sup>c</sup>Aṭr (1996), *op.cit.*, h. 66.

<sup>112</sup> Menurut al-Suyūfi, pendapat ini hanya diberikan oleh beberapa ulama sahaja. Di dalam kitab *Rūh al-Ma'āni*, terdapat tiga pendapat mengenainya. Ada yang mengatakan bahawa surah tersebut adalah *Makkī* dan ada pula yang mengatakan bahawa surah tersebut adalah *Madani*. Manakala pendapat yang terakhir mengatakan bahawa surah tersebut adalah *Makkī* kecuali ayat yang ke sebelas. Ianya adalah *Madani* kerana ayatnya menyebut golongan orang-orang munafik. Pendapat ini adalah tepat dan kuat kerana golongan munafik tidak pernah ada melainkan selepas hijrah Rasulullah SAW ke Madinah. Sila lihat al-Sayyid <sup>c</sup>Āsyūr (1996), *op.cit.*, h. 220-221.

<sup>113</sup> *Ibid.*, h. 229-230.

rampasan dan tawanan-tawanan perang sebagaimana yang dijelaskan di dalam surah al-Baqarah, al-Anfāl, Barāah, al-Qitāl, al-Fath and al-Hasyr.<sup>114</sup>

### 2.5.2 (c)] Aspek gaya bahasa

- i. Kebanyakan al-Qur'an *Madanī* adalah berbentuk panjang.<sup>115</sup> Bentuk ayat-ayat yang panjang ini, bersesuaian dengan pembentangan syariat kerana ia bersifat keterangan dan penerangan.<sup>116</sup>
- ii. Kebiasaan ayat-ayat dalam surah-surah *Madanī*, gaya bahasanya berbentuk tenang, lembut dan bersambung menyambung ayat-ayatnya.<sup>117</sup>

## 2.6 Kepentingan *Makkī* dan *Madanī*

*Makkī* dan *Madanī* adalah satu ilmu yang amat penting dan utama dalam bidang ulum al-Qur'an. Malah didapati begitu banyak para sarjana Islam dan Barat begitu berminat terhadap kajian ilmu ini. Oleh itu, penulis akan menjelaskan kepentingan-

---

<sup>114</sup> Al-Dīn 'Atr (1996), *op.cit.*, h. 66.

<sup>115</sup> Al-Sāliḥ (2000), *op.cit.*, h. 184.

<sup>116</sup> Zulkifli Yusoff (1995), *op.cit.*, h. 84.

<sup>117</sup> Al-Dīn 'Atr (1996), *op.cit.*, h. 68.

kepentingan *Makkī* dan *Madanī* untuk dinilai sejauhmana kepentingannya kepada umat Islam. Antara kepentingan-kepentingannya ialah:

- i. Dengan mengetahui ilmu *Makkī* dan *Madanī*, seseorang dapat mengetahui dan membezakan antara ayat-ayat yang *mansūkh* dan *nāsikh*.<sup>118</sup> Dengan kata lain, apabila diketahui satu ayat adalah *Makkī* sedangkan yang satu lagi adalah *Madanī*, maka ayat *Makkī* akan dinasakhkan oleh ayat *Madanī* kerana *Madanī* diturunkan selepas *Makkī*. Oleh itu, hukum yang dipakai ialah hukum yang terkandung dalam ayat *Madanī*.<sup>119</sup>
- ii. Ilmu *Makkī* dan *Madanī* juga dapat meningkatkan keyakinan seseorang terhadap kebesaran, kesucian dan keaslian al-Qur'an. Ini kerana apabila umat Islam memberi penumpuan dan mengambil berat terhadap perkara yang bersangkutan dengan al-Qur'an secara terperinci, maka secara tidak langsung ia akan menambahkan keyakinan mereka terhadap al-Qur'an.<sup>120</sup>

<sup>118</sup> Al-Sayyid Ḥasan Āṣyūr (1996), *op.cit.*, h. 209.

<sup>119</sup> Nūr al-Dīn Ḥasan Āṣyūr (1996), *op.cit.*, h. 58.

<sup>120</sup> Al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 197.

- iii. Melalui ilmu *Makkī* dan *Madanī*, seseorang dapat mengetahui sejarah perkembangan hukum Islam secara umum.<sup>121</sup>
- iv. Melalui ilmu *Makkī* dan *Madanī*, seseorang dapat mengetahui peringkat-peringkat atau *marhalah* dakwah yang ditempuhi Rasulullah SAW diperangkat *Makkī* dan *Madanī* di samping mengetahui metodologi, situasi dan kondisi golongan sasar dakwah.<sup>122</sup>
- v. Dengan ilmu ini juga, seseorang akan dapat mengetahui *asālib* atau gaya bahasa yang berbeza-beza, yang digunakan oleh al-Qur'an kerana disasarkan kepada golongan-golongan yang berbeza iaitu orang mukmin, musyrik, ahli al-Kitab dan munafik.<sup>123</sup> Kepelbagaiannya gaya bahasa ini digunakan untuk menyeru manusia kepada Allah SWT supaya ianya berkesan dan mengikut tahap kemampuan dan kedudukan mereka.<sup>124</sup>

Berdasarkan kepada fakta-fakta di atas, jelas membuktikan bahawa seseorang yang hendak mengkaji al-Qur'an tidak mungkin dapat melakukannya dengan

<sup>121</sup> Al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 197.

<sup>122</sup> Al-Šālih (2000), *op. cit.*, h. 183.

<sup>123</sup> *Ibid.*

<sup>124</sup> Ma'bad (1996), *op.cit.*, h. 33.

sempurna tanpa ilmu ini. Apatah lagi sekiranya dia adalah seorang ahli *mufassir* ataupun ahli perundangan Islam.